

Tarikh: Seperti Tarikh Cetakan

*Pelanggan yang dihormati,
Helaian Pendedahan Produk (PDS) ini adalah direka untuk memberikan anda beberapa maklumat penting tentang insurans motor anda.*

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ianya berguna; anda juga patut membacanya.

1. Apakah Insurans Motosikal?

Insurans Motosikal menyediakan perlindungan terhadap liabiliti kepada pihak ketiga bagi kecederaan atau kematian serta kerosakan harta benda, selain melindungi kerugian atau kerosakan motosikal anda akibat kemalangan, kebakaran atau kecurian. Ia menawarkan pilihan perlindungan yang fleksibel termasuk Komprehensif, Pihak Ketiga Kebakaran dan Kecurian, Pihak Ketiga dan Motosikal 3PA, dengan pilihan perlindungan kemalangan diri dan manfaat tambahan sebagai opsyen tambahan.

2. Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, untuk **RM 338.06** setahun, anda akan menerima perlindungan berikut:

Jumlah Diinsuranskan	RM6,000.00
Kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD)	0%
Perlindungan Tambahan (Ini dibeli dengan premium tambahan)	- Perlindungan Semua Penunggang Motosikal - MyMotorcycle Plus
Polisi ini melindungi	Polisi ini tidak melindungi
- Kecederaan atau kematian Pihak Ketiga. - Kerugian atau kerosakan harta benda Pihak Ketiga. - Kerugian atau kerosakan motosikal anda kebakaran, kecurian atau kemalangan. - Kemalangan Diri Penunggang dan Pembonceng. - Elaun Kesulitan Kemalangan dan Kecurian. - Elaun Kesulitan Banjir. - Liabiliti terhadap tuntutan Pembonceng. - Pengecualian Ekses Wajib (Komprehensif sahaja).	- Kerugian turutan, susut nilai, haus dan lusuh, kerosakan atau kegagalan mekanikal atau elektrik - Perang dan risiko yang seumpamanya

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila merujuk kepada Dokumen Polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

Perlindungan/Produk	Komprehensif	TPFT	TP (Tariff)	Motosikal 3PA
Kecederaan atau kematian terhadap Pihak Ketiga / Kerugian atau kerosakan harta benda terhadap Pihak Ketiga	✓	✓	✓	✓
Kerugian atau kerosakan akibat kebakaran dan kecurian	✓	✓	X	X
Kerugian atau kerosakan akibat kemalangan	✓	X	X	X
Kemalangan Diri Penunggang*	Pilihan Tambahan		Tidak Berkenaan	Pakej Tambahan
MyMotorcycle Plus*	Pilihan Tambahan		Tidak Berkenaan	Pilihan Tambahan

*Tertakluk kepada premium tambahan. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Risalah ([Motorcycle Add-on](#)).

Faedah	Kemalangan Diri Penunggang	MyMotorcycle Plus
PA untuk Penunggang: Kematian akibat Kemalangan/Hilang Upaya Kekal - RM12,000 Elaun Perkabungan - RM500	Dilindungi	Dilindungi
PA untuk Pembonceng: Kematian akibat Kemalangan/Hilang Upaya Kekal - RM12,000 Elaun Perkabungan - RM500	Tidak Dilindungi	Dilindungi
Elaun Kesulitan Kemalangan dan Kecurian		RM150
Elaun Kesulitan Banjir		RM150
Liabiliti Undang-undang terhadap Pembonceng		Dilindungi
Pengecualian untuk Ekses Wajib (Komprehensif sahaja)		Dilindungi

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi MSIG Insurance (Malaysia) Bhd atau PIDM (layari www.pidm.gov.my)

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai Insurans Motosikal anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
1-800-88-MSIG (6744) or
603-2050-8228



Kunjungi kami di:
<https://www.msig.com.my/>



Emel kami di:
myMSIG@my.msig-asia.com

3. Ketahui Kewajipan Anda

Untuk Insurans Motosikal, anda mesti membayar premium sebanyak:	
Premium asas	: RM163.84
(-) Kelayakan NCD 0%	: RM0.00
(+) Perlindungan tambahan	: RM139.92
(+) Cukai Perkhidmatan 8%	: RM24.30
(+) Duti Setem	: RM10.00
Komisen / Rebat untuk saluran pengedaran langsung	: 10% atau RM30.38
Jumlah premium perlu dibayar	: RM338.06

MAKLUMAT PENTING YANG ANDA PERLU TAHU

A	Tempoh perlindungan adalah 1 tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan insurans setiap tahun.
B	Insurans ini hanya akan berkuat kuasa sebaik sahaja anda membayar premium (tunai sebelum perlindungan).
C	Anda mesti memastikan bahawa motosikal anda diinsuranskan pada jumlah yang sesuai kerana ia akan mempengaruhi jumlah yang anda boleh tuntutan.
D	Sekiranya berlaku kemalangan, anda perlu memaklumkan kami secepat mungkin. Anda boleh berbuat demikian dengan: 1. Hubungi talian hotline MSIG kami di 1-800-88-MSIG (6744) 2. Emel kami di myMSIG@my.msig-asia.com 3. Kunjungi laman web MSIG kami di https://www.msig.com.my/claims/motor/general/
E	Sekiranya berlaku kemalangan, anda mesti berurusan dengan pembaikan diluluskan. Pembaikan diluluskan merujuk kepada bengkel membaiki kereta yang berdaftar dengan JPJ dan merupakan sebahagian daripada bengkel panel yang diluluskan oleh kami. Ia mungkin termasuk bengkel kereta yang telah kami berikan kelulusan khas kepada anda. Sila rujuk dokumen polisi untuk butiran lanjut.
F	Jika anda memperbaharui polisi secara terus dengan MSIG, anda mungkin layak menerima rebat premium dan cukai perkhidmatan. Tiada penasihat insurans akan ditugaskan untuk mengendalikan polisi anda.

4. Bolehkah saya membatalkan polisi/sijil saya?

Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa melalui notis bertulis. Tiada bayaran balik premium akan diberikan sekiranya tuntutan telah dibuat atau jika premium minimum telah dikenakan. Jika tidak, bayaran balik akan dikira berdasarkan kadar tempoh pendek, di mana sebarang premium minimum yang telah dibayar di bawah polis adalah tidak boleh dikembalikan.

Tempoh Insurans	Kadar Bayaran Balik Premium
Tidak melebihi 1 minggu	87.5% daripada premium tahunan
Tidak melebihi 1 bulan	75.0% daripada premium tahunan
Tidak melebihi 2 bulan	62.5% daripada premium tahunan
Tidak melebihi 3 bulan	50.0% daripada premium tahunan
Tidak melebihi 4 bulan	37.5% daripada premium tahunan
Tidak melebihi 6 bulan	25.0% daripada premium tahunan
Tidak melebihi 8 bulan	12.5% daripada premium tahunan
Melebihi 8 bulan	Tiada bayaran balik premium dibenarkan

MSIG Insurance (Malaysia) Bhd ialah syarikat insurans am yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang diberikan dalam Helaian Pendedahan Produk ini adalah sah pada 1 April 2026.